

# Pak Lah ceria, habiskan dialog 2 jam

BH - 15/5/2007

Oleh Ridzuan Yop

**P**ULAU PANGKOR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelihatan sihat dan ceria selepas menghabiskan lebih dua jam berdialog dengan ahli Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), di sini, pagi, semalam.

Perdana Menteri tersenyum sepanjang sidang media berlangsung walaupun perlu memenuhi jadual ketat selama di sini, mengikuti beberapa atur cara yang disusun BNBBC.

"Saya baru saja selesai mengadakan majlis dialog lebih dua jam dengan Ahli Parlimen kerajaan (BNBBC)... jika saya tidak sihat tak mungkin saya dapat bersama mereka untuk tempoh yang lama.

"Saya dapat berbincang daripada hati ke hati dengan mereka... tidak ada masalah. Saya tidak berasa terganggu ketika bercakap, mereka pun tidak melihat saya terganggu.

"Ada masa kita gelak ketawa dan ada masa serius, tidak ada masalah, saya sudah jalankan tanggungjawab saya," katanya mengulas dakwaan beberapa laman blog beliau pengsan ketika menghadiri majlis penyerahan kunci rumah anjuran BNBBC, di Teluk Batik, Lumut, kelmarin.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Pengerusi BNBBC, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar.

Bagaimanapun, Abdullah pada sidang media di Lumut, kelmarin, menafikan dakwaan itu dan menyatakan ketika majlis itu beliau keletihan



SIHAT SEJAHTERA: Abdullah bersalaman ketika tiba untuk sesi dialog dengan ahli BNBBC, di Pulau Pangkor, pagi semalam.

**“***Saya tidak berasa terganggu ketika bercakap, mereka pun tidak melihat saya terganggu”*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

dan tidak cukup tidur ditambah dengan cuaca terlalu panas disebabkan ia berlangsung pada tengah hari.

Beliau berkata, pemeriksaan kesihatan oleh doktor peribadinya mendapati beliau tidak menghadapi apa-apa masalah kesihatan cuma memerlukan rehat dan tidur yang cukup.

Terdahulu, pada sidang media sama, Abdullah meminta semua wakil rakyat BN peringkat Pusat dan ne-

geri menyelesaikan semua masalah rakyat di kawasan masing-masing.

"Semua wakil rakyat perlu sentiasa berusaha mengatasi dan menyelesaikan masalah rakyat tanpa mengira kaum atau agama.

"Wakil rakyat BN wakil semua kaum... kerana yang penting adalah memastikan rakyat mendapat nikmat pembangunan diusahakan kerajaan sekarang," katanya.

JAMAH MASRI | BERITA HARIAN



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA